

SULTAN AHMAD TAJUDDIN 1924-1950: HUBUNGAN RAJA DENGAN PENASIHAT

Awang Muhaimin Haji Mohamed
Pusat Sejarah Brunei

Pengenalan

Senario pergolakan politik yang begitu meruncing yang dihadapi oleh Brunei ketika itu menyebabkan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin telah mengambil keputusan dengan menerima Sistem Residen¹ dan perjanjian tersebut telah dimenterai pada 3 Disember 1905, manakala oleh Sir John Anderson bagi Kerajaan Baginda Queen pada 2 Januari 1906. Satu faktor penting yang menyebabkan diperkenalkan Sistem Residen kerana gagalannya Perjanjian Naungan 1888 yang tidak memberi perlindungan sepenuhnya kepada Brunei.

Dalam Perjanjian 1905/1906 ada menyebutkan bahawa, “...residen akan menjadi ejen dan wakil kerajaan bagi Great Britain dibawah Pesuruhjaya Tinggi bagi tanah naungan British di Borneo dan nasihatnya mesti diikuti dan diambil tindakan mengenai semua perkara di Brunei, kecuali perkara-perkara yang menyentuh agama Islam ...” .² Ini bermakna secara teorinya sultan berkuasa tetapi kuasa sebenarnya (*real power*) berada dalam gengaman residen. Bagi menunjukkan kuasa residen itu begitu luas, residen British J.F. Owen pernah mengancam Sultan Muhammad Jamalul Alam II untuk memecat baginda dengan diturunkan daripada takhta kerajaan apabila baginda tidak bersetuju mengenai akta tanah yang baru diperkenalkan oleh residen.³ Tanpa mempunyai pilihan lain baginda terpaksa bersetuju terhadap akta tanah tersebut.

Kerajaan British melalui sistem residen telah mendaulatkan kuasa dan memertabatkan raja-raja Brunei dengan memisahkan semua kuasa pembesar-pembesar (terdiri daripada

¹ Cadangan bagi mewujudkan Sistem Residen di Brunei ialah daripada pemikiran awal Charles Lucas yang memegang jawatan Penolong Setiausaha Rendah pada 1897. Lihat, C.N. Crisswell, “The Establishment of a Residency in Brunei 1895-1905”, *Asian Studies*, Vol.10 (1) April 1972, h. 97.

² Maxwell and Gibson, *Treaties and Engagement Effecting the Malay States and Borneo*, England : JAS Truscott & Son, Ltd., 1924, h.151.

³ Graham Saunders, *A History of Brunei*, Kuala Lumpur:Oxford University Press, 1994, h.114

wazir-wazir kanan) dan memusatkan kuasa autoriti sebenar dan juga kuasa ritual dalam masyarakat Melayu. Dalam sistem politik tradisional kuasa sultan adalah terbatas, umpamanya dalam membuat sesuatu keputusan yang penting berhubung dengan pemerintahan negeri dimana baginda terpaksa terlebih dahulu meminta atau mendapat persetujuan secara kolektif daripada pembesar-pembesar negeri yang lain. Perkara ini terbukti dalam mempersetujui sesuatu perjanjian berhubung dengan hal ehwal negeri terdapat dua cop mohor kerajaan akan diletak di atas dokumen atau surat perjanjian tersebut.⁴

Dalam Sistem Residen ini adat istiadat Melayu diletakkan di bawah bidang kuasa residen kerana British mengetahui bahawa adat dan hukum kanun mempunyai hubungan dengan pentadbiran tradisi yana lain terutama dalam soal hak milik tanah. Dalam State Councils yang buat pertama kali bersidang pada 29 Jun 1907 residen dengan sengaja tidak menyenaraikan nama Pengiran Di-Gadong dan Pengiran Temanggung menjadi ahli kerana dalam sistem tradisi Pengiran Di-Gadong memegang portfolio kewangan manakala Pengiran Temanggung berkuasa dalam bidang undang-undang. Ketiadaan dua tokoh penting ini residen mengandaikan akan dapat menghalang segala tuntutan tanah *tulen* dalam State Councils tambahan lagi keadaan kewangan negeri semakin tenat.⁵

Latar belakang Sultan Ahmad Tajuddin

Sultan Ahmad Tajuddin Akazul Khairi Waddin menaiki takhta kerajaan Brunei pada 21 September 1924 setelah ayahanda baginda Sultan Muhammad Jamalul Alam II lindung. Baginda ialah anak gahara bergelar Pengiran Muda Besar, putera kelima daripada sepuluh orang adik-beradik.

Sultan Ahmad Tajuddin diputerakan pada 22 Ogos 1914 di Istana Pekan, Negeri Brunei. Baginda menaiki takhta ketika berusia sebelas tahun dan dua orang wazir telah dilantik oleh kerajaan selaku pemangku raja yang terdiri dari Pengiran Bendahara Pengiran Anak

⁴ D.E. Brown, "The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate", *Monograph of the Brunei Museum Journal*, Brunei : The Star Press, 1970, h. 120 - 122.

⁵ *Brunei State Council Minutes*, 29 Jun 1907 dan 8 Julai 1908.

Abdul Rahman ibni Pengiran Muda Besar Omar Ali Saifuddin (Februari 1918 – September 1943) dan Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Muhammad Yassin bin Pengiran Tua Omar Ali (Julai 1923 – Julai 1950).⁶

Sultan Ahmad Tajuddin menerima pendidikan awal di lapau istana sebelum baginda memasuki sekolah yang lebih formal dan antara tenaga pengajar yang bertanggungjawab mendidik baginda pada akhir 1920-an dan 1930-an ialah Cikgu Salleh bin Haji Masri atau lebih dikenali dengan panggilan H.M. Salleh. Menjelang tahun 1932 baginda berangkat ke England, United Kingdom dan berada di luar negeri selama satu tahun bagi mempelajari bahasa Inggeris dan tamadun barat.⁷ Baginda merupakan sultan Brunei yang pertama dalam sejarah berangkat menjelajah ke dunia barat. Pengalaman semasa menuntut di England banyak memberi pendedahan kepada baginda dalam dunia politik antarabangsa yang penuh cabaran dan turut menyuntik minda baginda kepada beberapa gagasan yang baru. Pengalaman tersebut turut membina prinsip hidup baginda yang menjadikan baginda seorang yang tegas, berani dan memandang jauh ke hadapan terutama bila berhadapan dengan residen British.

Sultan Ahmad Tajuddin seorang yang mengambil berat terhadap pendidikan agama. Baginda mempunyai seorang guru agama khas istana iaitu Pehin Datu Perana Manteri Sheikh Haji Abdul Halim bin Pehin Datu Perdana Manteri Sheikh Radin Haji Abdul Rahman. Apabila baginda berangkat keluar negeri bagi membuat lawatan baginda sering membawa Sheikh Haji Abdul Halim bersama. Baginda pernah mengkhatam al-Quran pada bulan Ramadan dengan menjemput Pehin-pehin agama datang ke istana bagi sama-sama menyamarakan lagi majlis keagamaan. Satu kelaziman yang sering dilakukan oleh baginda pada setiap lepas menyempurnakan sembahyang Jumaat ialah menitahkan semua Pehin-pehin agama dan Pehin-pehin Orang Kaya berkumpul di lapau istana bagi

⁶ AVM Horton, "The Development of Brunei During the British Residential Era, 1906-1959 : A Sultanate Regenerated," *Tesis Ph.d.*, Univesity of Hull, 1985, h. 622.

⁷ B.A. Hussainmiya, *Sultan Omar Ali Saifuddin III and Britain, The Making of Brunei Darssalam*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1995, h. 46.

mengadakan majlis tahlil arwah bagi ayahanda baginda al-marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II dan sultan-sultan yang terdahulu.⁸

Pada bulan Mei 1934 Sultan Ahmad Tajuddin ketika berusia dua puluh tahun telah melangsungkan perkahwinan dengan Tengku Raihani ibni Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Sultan Selangor Darul Ehsan. Dari hasil pengkongsian hidup baginda berdua telah dikurniakan seorang puteri Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noorehsani yang diputerakan pada 15 Oktober 1935.

Sultan Ahmad Tajuddin menjalani istiadat “Berpuspa” atau penabalan menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada 17 Mac 1940. Sebelum istiadat berpuspa baginda mengkhatam al-Quran di Istana Mahkota pada 9 November 1939. Sebelum berlangsung majlis perpuspaan baginda menghadihkan buku-buku karangan baginda kepada murid-murid sekolah yang berjudul *Panduan Keselamatan*. Baginda juga mengarang sebuah buku kecil yang mengandungi *peribahasa* ataupun pepatah yang memuatkan unsur-unsur nasihat dan kebaikan untuk dihadihkan kepada rakyat baginda.⁹ Sempena istiadat perpuspaan tersebut King George telah mengurniakan Sultan Ahmad Tajuddin bintang kebesaran CMG (Order Of Saint Michael and Saint George). Sultan Ahmad Tajuddin merayakan “Jubli Perak” sempena 25 tahun pemerintahan baginda pada 22 September 1949. Baginda mangkat pada 5 Jun 1950 di Singapura dalam perjalanan baginda ke London bagi mengadakan perundingan dengan Kerajaan British bagi menyemak semula Perjanjian 1906 dan juga membincangkan untuk menaikkan royalti minyak.¹⁰

Hubungan Sultan Ahmad Tajuddin Dengan Residen

Dengan wujudnya sumber minyak pada tahun 1930-an telah mengubah kesultanan Brunei daripada sebuah negeri yang mundur telah menjadi sebuah negeri yang begitu penting

⁸ Muhd.Jamil Al-Sufri, Dr. Haji Awang, POKADDSU, *Arkitek Brunei Moden*, Brunei Darussalam : Jabatan Percetakan Kerajaan, 1989, h. 9-10.

⁹ Horton, “The Development of Brunei ...”, h. 301

¹⁰ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke, The End of White Rajah Rule In Sarawak*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1993, h. 279.

dan strategik kepada Great Britain. Ini amat berbeza semasa Sistem Residen mula diperkenalkan pada tahun 1906 di mana Brunei merupakan sebuah negeri yang miskin dan hampir mufliis. Demi kepentingan minyak kepada British, buat pertama kalinya dalam pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin residen British telah mula menetap di Brunei iaitu kira-kira selepas tahun 1931 apabila hasil minyak Brunei yang pertama dieksport keluar negeri. Sebelum itu, kebanyakan residen-residen British tinggal di Labuan dan hanya penolong residen sahaja yang menetap di Brunei.¹¹

Dengan bertambahnya pendapatan hasil Negeri Brunei daripada hasil minyak, Sultan Ahmad Tajuddin serta kerabat diraja berasa kurang senang terhadap pentadbiran British, kerana mereka merasa disisihkan daripada mendapat manfaat dari pengagihan kekayaan Brunei yang berpunca daripada sumber minyak. Oleh itu, baginda menggesa kepada kerajaan British supaya melonggarkan peraturan-peraturan kewangan bagi memberikan baginda dan rakyat dapat menikmati kemakmuran serta kesejahteraan hidup di negeri Brunei. Ini berpunca daripada elaun sara hidup baginda yang begitu kecil dan tidak mencukupi berbanding dengan jumlah hasil minyak yang begitu besar.

Bagi mengelakkan Sultan Ahmad Tajuddin tidak begitu kritis terhadap pentadbiran residen maka kerajaan British telah mengambil inisiatif dengan menaikkan elaun sara hidup baginda. Pada tahun 1934 baginda mendapat kenaikan elaun sara hidup daripada \$1,000 kepada \$1,500 sebulan dan dalam tahun 1938 baginda menerima tambahan elaun sebanyak \$500 untuk sebulan. Baginda juga diberi peruntukkan menerima extra elaun bagi kos-kos perkhidmatan yang lain. Bagi memberi kemudahan kepada baginda untuk pergi melawat dan bercemar duli dengan rakyat baginda yang berada di kawasan-kawasan luar bandar, kerajaan British membelikan baginda sebuah kereta pada tahun 1939. Bagaimanapun, kalau dibandingkan elaun sara hidup Sultan Ahmad Tajuddin adalah terlalu kecil tidak setanding dengan elaun sultan-sultan di Semenanjung Tanah Melayu, misalnya, elaun Sultan Perak telah dinaikkan dalam tahun 1929 daripada

¹¹ Horton, "The Development of Brunei ...", h. 125.

\$120,000 kepada \$150,000 setahun (\$12,000 sebulan) dan begitu juga dengan elaun Sultan Pahang bertambah daripada \$78,000 kepada \$96,000 setahun,¹² (\$8,000 sebulan).

Memandangkan elaun sara hidup raja-raja di Tanah Melayu begitu tinggi menyebabkan Sultan Ahmad Tajuddin berasa kecewa dan tidak berpuas hati terhadap layanan British terutama dalam soal kewangan yang diperuntukan kepada baginda. Setahun sebelum kemangkatan baginda (1949), elaun sara hidup baginda masih kekal sebanyak \$3,500 sebulan. Dengan perasaan kecewa Sultan Ahmad Tajuddin dengan berani telah membuat surat rayuan kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan A. Creech Jones tanpa ada konsultasi dengan residen sekalipun surat itu tidak mendapat perhatian. Dalam surat itu baginda dengan tegas menyatakan, “ **bahawa hasil pendapatn Brunei daripada sumber minyak pada tahun 1948 berjumlah kira-kira \$6 juta dan jika sekiranya elaun baginda dinaikkan baginda percaya hasil perbedaharaan negeri tidak akan terjejas atau berkurang.**”¹³ Disebabkan residen begitu mengawal ketat perbendaharaan negeri menyebabkan baginda sering berangkat keluar negeri iaitu ke Malaya, Singapura dan United Kingdom yang mana segala perbelanjaan tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan British.

Sikap Sultan Ahmad Tajuddin yang begitu tegas dan berani memang telah wujud sejak baginda masih lagi kecil kerana baginda anti kepada penjajahan. Terdapat beberapa peristiwa antaranya, apabila residen British hendak mengadap, baginda dengan sengaja akan membiarkan residen itu lama menunggu dengan berdiri di tepi kereta di halaman Istana Parit sehingga kira-kira setengah jam lamanya baharulah baginda membenarkan residen itu naik ke istana untuk mengadap baginda. Kadang-kadang baginda pernah memberi tahu Pengiran Zainal (kerani) bahawa baginda enggan menerima residen untuk majlis mengadap pada hari itu. Pernah juga berlaku apabila baginda mengarahkan residen terlebih dahulu pergi ke kedai membelikan baginda sekotak rokok sebelum mengadap baginda.¹⁴

¹² Ibid., h. 298

¹³ CO 943/1 (5972/1949). Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Tajuddin kepada A.Creech Jones, Setiausaha Negara bagi Tanah-tanah Jajahan, 11 Julai 1949.

¹⁴ Temubual dengan Pengarah Dato Paduka Haji Othman bin Abd.Kadir pada 22 Febuari 2001.

Dalam bidang pentadbiran negeri komitmen Sultan Ahmad Tajuddin agak terbatas disebabkan residen kurang memberi layanan baik dan cuba mengugat kewibawaan baginda sebagai sultan. Sebagai satu protes kepada residen baginda kurang berangkat menghadiri Majlis Mesyuarat Negeri sejak 1940-an sehinggalah ke akhir hayat baginda. Walaupun baginda tidak berangkat menghadiri Majlis Mesyuarat Negeri tetapi baginda mencadangkan kepada ahli-ahli dewan agar menyimpan satu buku kecil untuk mencatat segala laporan dan keputusan mesyuarat dan memaklumpkannya kepada baginda kemudian. Baginda juga menyarankan kepada residen agar memberi ahli-ahli majlis agenda-agenda lebih awal yang hendak dimesyuaratkan iaitu beberapa hari sebelum dimulakan persidangan bagi memberi masa yang cukup kepada mereka meneliti dan membaca agenda-agenda tersebut¹⁵

Pada tahun 1940 Sultan Ahmad Tajuddin menggesa residen dalam Majlis Mesyuarat Negeri untuk menyerapkan anak-anak tempatan ke jawatan yang tinggi (kecuali kerani) dalam Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (Brunei Administrative Service – BAS). Pada mulanya residen tidak bersetuju kerana ini boleh mencabar kuasa eksekutif residen dan bagi menyokong pendiriannya residen merujuk perkara ini kepada Perjanjian 1905/1906. Menurut residen semua pemilihan dibuat oleh residen bagi perlantikan anak-anak tempatan ke dalam BAS.¹⁶ Tujuan Sultan Ahmad Tajudin ialah semata-mata untuk melatih dan memberi pengalaman kepada anak-anak tempatan agar dapat mempelajari ilmu pentadbiran moden bagi memajukan dan melincinkan lagi jentera pentadbiran kerajaan. Menjelang tahun 1941 seramai 25 orang anak-anak tempatan telah dilantik untuk berkhidmat dalam birokrasi kerajaan dan ianya merupakan satu perubahan yang besar dalam sejarah perkhidmatan awam sebelum perang di Brunei yang sebelum ini kebanyakan jawatan-jawatan tersebut disandang oleh orang-orang Eropah. Antara yang dilantik ke jawatan BAS ialah Pengiran Muda Kahar dan Pengiran Anak Alam bin Pengiran Anak Abdul Rahman.

¹⁵ *Brunei State Council Minutes*, 16 Mac 1936.

¹⁶ *Brunei States Council Minutes*, 28 Oktober dan 2 Disember 1940.

Kerajaan British menyadari hubungan yang kurang mesra di antara Sultan Ahmad Tajuddin dengan residen selaku penasihat telah lama wujud, perkara ini ada dinyatakan oleh Mr. A.S. Small, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi dalam tahun 1936 yang menyebutkan bahawa, **“...apabila Sultan Ahmad Tajuddin semakin meningkat dewasa baginda agak menyusahkan dan berkehendakkan kuasa yang lebih. Terdapat perselisihan pendapat antara Sultan Ahmad Tajuddin dengan residen. Saya berpendapat adalah perlu untuk menghantar Mr.E.E.F. Pretty (Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi) ke Brunei bagi meredakan perkara tersebut”**.¹⁷ Kesimpulannya, kenapa hubungan kurang baik di antara residen dengan Sultan Ahmad Tajuddin tidak berlaku semasa baginda dipangku oleh dua orang wazir, kerana keduanya hanyalah sebagai wakil sultan sahaja. Ini jelas menunjukkan peranan pemangku-pemangku sultan pada masa itu tidak mempunyai kuasa autoriti, tambahan lagi mereka tidak begitu aktif dalam pentadbiran hal ehwal negeri disebabkan faktor umur mereka yang sudah lanjut. Menurut Mr. Pretty lagi, beliau memahami bahawa Sultan Ahmad Tajuddin tidak akan menerima nasihat daripada residen yang dianggap usia mereka lebih muda daripada baginda, walhal dalam sistem yang ada pada masa itu dimana setiap residen¹⁸ yang dihantar berkhidmat di Brunei adalah terdiri daripada “Junior Officer” Kelas IV. Oleh itu, Mr.Small mencadangkan supaya jawatan residen dinaikkan tarafnya dari Kelas IV ke Kelas II dalam skel Malayan Civil Service (MCS).

Dengan perantikan Mr. Pretty¹⁹ menjadi residen pada Ogos 1948, kerajaan British menyadari betapa perlunya memperbaiki hubungan yang telah lama retak dengan negeri-negeri Melayu khusus Brunei berdasarkan kepentingan kepada sumber ekonomi. Mr.

¹⁷ Horton, “ The Development of Brunei ...”, h. 299.

¹⁸ Semasa Sultan Ahmad Tajuddin mengambil alih semula kuasa daripada pemangku-pemangku raja pada tahun 1931, seramai 7 orang residen British telah berkhidmat dengan baginda iaitu T.F.Carey (September 1931 – Oktober 1934) ; R.E. Turnbull (November 1934 – Januari 1937) ; J.Graham Black (Januari 1937 – Disember 1939) ; E.E. Penggiley (Januari 1940 – Disember 1941) ; W.J. Peel (Julai 1946 – Januari 1948); L.H.N. Davis (Januari 1948 – Ogos 1948) ; E.E.F. Pretty (Ogos 1948 – Jun 1951). Sumber, *Brunei Annual Report*, 1931 – 1951.

¹⁹ Mr.E.E.F. Pretty (1891-1967c) pernah menjadi residen Brunei sebanyak tiga kali (Mac 1923 – Februari 1926 ; Mac 1927 – Mei 1928 dan Ogos 1948 – Jun 1951). Beliau berkelulusan daripada Oxford Universiti. Sepanjang kariernya menjadi residen hubungan beliau dengan sultan adalah baik, sehingga Sultan Ahmad Tajuddin pernah bertitah bahawa Brunei sangat beruntung mempunyai Mr. Pretty sebagai residen bagi kali ketiga. Mr. Pretty merupakan pegawai MCS yang terakhir berkhidmat di Brunei selepas itu jawatan tersebut diisi oleh pegawai-pegawai pinjaman dari Sarawak. Lihat, *Brunei State Council Minutes*, 29 Mac 1949.

Pretty hairan dengan pedapatan Brunei dari sumber minyak yang semakin meningkat pada setiap tahun yang mana menurutnya Brunei berhak mendapat dan menerima manfaat daripada sumber tersebut. Mr. Pretty juga memberi idea atau cadangan kepada Sultan Ahmad Tajudin untuk mengambil langkah yang drastik dengan menulis surat terus kepada Setiausaha Negara, dengan harapan agar kerajaan British akan memberi lebih perhatian terhadap kesulitan dan kesusahan yang dihadapi oleh kerabat diraja, rakyat serta penduduk Negeri Brunei. Apabila Mr. Pretty mengambil alih pucuk pimpinan selaku residen baharulah kerajaan British menjemput baginda bagi mengadakan rundingan di London. Mr. Pretty berasa simpati terhadap nasib baginda dan beliau telah berusaha sedaya upaya bagi memberi kehidupan yang terbaik dan sesuai dengan taraf baginda selaku sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei. Umpamanya, Mr. Pretty telah berusaha membuatkan baginda sebuah istana baru kerana istana baginda yang lama telah musnah dilanda perang bagi memertabatkan maruah kesultanan Brunei.

Bagaimanapun, semasa J. Graham Black menjadi residen hubungan Sultan Ahmad Tajuddin kembali menjadi keruh. Perkara ini berpunca apabila residen cuba hendak menangguhkan istiadat perpuspaan baginda yang akan berlangsung pada tahun 1940 disebabkan Brunei pada ketika itu hampir berada diambang peperangan. Residen cuba pula menuduh baginda bahawa dengan mendapat gelaran menjadi “Yang Di-Pertuan” nanti akan memudahkan baginda mendapat kenaikan elaun “santapan” (telahpun dinaikkan baru-baru ini). Menurut Graham Black lagi, bagi melaksanakan istiadat ini kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan yang banyak dan ianya sudah tentu akan membebankan pihak kerajaan. Graham mencadangkan agar istiadat perpuspaan baginda ditangguhkan buat sementara waktu, Graham beralasan ayahanda baginda Sultan Muhammad Jamalul Alam II menjalani istiadat perpuspaan ketika berusia 29 tahun, manakala nenda baginda Sultan Hashim berpuspa semasa baginda berumur 60 tahun.²⁰

Bagi menggambarkan perasaan kecewa Sultan Ahmad Tajuddin terhadap tindakan residen Graham Black yang cuba berusaha menangguhkan istiadat perpuspaan baginda,

²⁰ Pejabat Residen British (BRO), Conf. No. 25/1938. Istiadat Perpuspaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Tajuddin.

perkara dijelaskan oleh Sultan Ahmad Tajuddin dalam surat baginda kepada residen dengan sinis baginda berkata bahawa, “ **residen British sedia maklum sekiranya pekerjaan ini tidak berkaitan dengan kerajaan Brunei, beta tidak akan memohon bantuan kewangan daripada kerajaan, tetapi jika istiadat perpuspaan ini beta buat sendiri sahaja sudah tentulah beta dikatakan nanti tidak bermufakat dengan penasihat iaitu tuan residen British**”. Di penghujung surat tersebut baginda dengan penuh ironi melontarkan katanya, “**diharap tuan residen jangan tersinggung dan berkecil hati**”.²¹

Disebabkan perundingan antara Sultan Ahmad Tajuddin dengan residen Graham Black mengenai dengan istiadat perpuspaan baginda menemui kebuntuan dan tidak ada keputusan muktamad menyebabkan baginda mengambil keputusan dengan terus menulis surat kepada Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu Sir Shenton Thomas. Dalam kenyataannya Sir Shenton Thomas membidas segala tindakan yang dilakukan oleh residen Graham Black yang cuba hendak mengagalkan istiadat perpuspaan Sultan Ahmad Tajuddin. Menurut Sir Shenton Thomas istiadat perpuspaan itu tidak perlu ditangguhkan dengan membuat alasan bahawa Negeri Brunei sudah hampir berada diambang Perang Dunia Kedua, kerana segala kelengkapan dan peruntukan perbelanjaan untuk istiadat perpuspaan ini telah diluluskan oleh kerajaan British dan kita juga tidak pasti berapa lama perang ini berlarutan dan bila akan berakhir. Sepatutnya perkara ini diserahkan sahaja kepada Sultan Ahmad Tajuddin bagi menentukan tarikh yang sesuai bagi melaksanakan istiadat perpuspaan baginda setelah bermufakat dengan pembesar-pembesar baginda.²²

Setiausaha kepada Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu R. Irvine juga pernah menyatakan kepada residen Graham Black bahawa residen tidak boleh campur tangan dalam adat istiadat perpuspaan Sultan Ahmad Tajuddin tanpa mempunyai alasan yang munasabah kerana ianya merupakan satu istiadat yang telah diwarisi oleh raja-raja Melayu sejak zaman tradisi lagi. Oleh itu, pihak kerajaan perlu memberi peruntukan yang

²¹ BRO Conf. No. 25/1938. Surat Sultan Ahmad Tajuddin kepada residen J.G. Black (versi jawi) bertarikh 14 Julai 1939.

²² BRO Conf. No.25/1938. surat Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu, Sir Shenton Thomas kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Tajuddin, bertarikh 4 Oktober 1939.

cukup bagi melaksanakan istiadat perpuspaan baginda demi untuk mengelakkan baginda daripada meminjam wang.²³

Bagaimanapun, residen Graham Black berusaha memastikan supaya istiadat perpuspaan Sultan Ahmad Tajuddin tidak nampak meriah dan 'grand'. Beliau bertindak dengan mengarahkan bahagian protokol atau adat istiadat pejabat residen supaya menyenaraikan para jemputan yang terdiri daripada pegawai-pegawai bawahan sahaja bagi mewakili pegawai-pegawai kanan ke majlis istiadat perpuspaan Sultan Ahmad Tajuddin. Kira-kira tiga bulan sebelum menjelangnya istiadat berpuspa, residen Graham Black telah ditamatkan tempoh perkhidmatannya di Brunei dan diganti oleh Mr. Pengilley selaku residen yang baru mulai 1 Januari 1940. Disebabkan Sultan Ahmad Tajuddin begitu geram kepada residen Graham Black baginda tidak mengadakan majlis perpisahan untuk beliau sebagai ucapan terima kasih di atas perkhidmatannya seperti yang lazim dibuat oleh baginda kepada residen-residen yang lain yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan mereka.²⁴

Dari kenyataan-kenyataan di atas tadi dapatlah diambil kesimpulan bahawa Sultan Ahmad Tajuddin seorang yang tegas, berani dan pantang mengalah sekalipun residen Graham Black sedaya upaya cuba hendak mengagalkan istiadat perpuspaan baginda. Baginda berusaha mengutus surat kepada Sir Shenton Thomas, Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu dengan membelakangkan residen bagi mengadakan perkara tersebut. Jika tanpa ketegasan dan keberanian berkemungkinan besar baginda tidak menjalani istiadat perpuspaan. Begitu juga semasa hendak menyambut jubli perak 25 tahun pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin. Pada mulanya baginda enggan hendak merayakannya disebabkan residen J.W. Peel tidak melayan permohonan baginda untuk membuatkan sebuah istana baru kerana istana lama baginda telah musnah dalam Perang Dunia Kedua. Sebagai protes kepada residen baginda dan keluarga buat beberapa lama

²³ HCO Conf. 94/1938, minit R. Irvine Setiausaha kepada Pesuruhjaya Tinggi kepada residen British J. Graham Black, bertarikh 26 Mei 1938.

²⁴ *Brunei State Council Minutes*, 31 Disember 1939 .

bersemayam di “istana kecil” di Rock Road, Kg. Gerisik pada tahun 1947.²⁵ Akhirnya setelah dipujuk oleh Abang Haji Mustapha dan Malcolm MacDonald akhirnya baginda bersetuju untuk berangkat balik dan merayakan jubli perak pemerintahan baginda di Brunei yang telah berlangsung pada 22 September 1949.²⁶

Kesimpulan

Hubungan Sultan Ahmad Tajuddin dengan residen-residen British semasa pemerintahan baginda ada yang mesra tetapi ada yang penuh kontraversi . Hubungan yang baik terjalin diantara baginda dengan residen disebabkan wujudnya perasaan setiakawan dan *reciprocal* antara keduanya, manakala timbulnya persengkitaan disebabkan residen bersifat autokratik. Disebabkan tidak ada *rapport* antara raja dengan penasihat sedikit sebanyak telah menjejaskan perjalanan birokrasi dan pentadbiran kerajaan serta membantutkan perkembangan pembangunan Negeri Brunei. Ini menyebabkan baginda jarang berangkat hadir di Majlis Mesyuarat Negeri terutama selepas tamat Perang Dunia Kedua. Implikasi ketidak hadiran baginda dalam mesyuarat negeri akan memudahkan lagi residen selaku pengerusi dewan majlis meluluskan sesuatu usul dengan sesuka hati. Zaman pemerintahan baginda penuh dengan pergolakan dunia dimana Brunei telah mengalami tempias kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1932 dan berlakunya Perang Dunia Kedua yang telah memusnahkan segala pembangunan dan prasarana yang telah baginda usahakan dan perjuangan selama suku abad. Sultan Ahmad Tajuddin dapatlah dianggap sebagai “seorang tokoh yang mendahului zamannya”.

²⁵ Bob Reece, *Datu Bandar Abang Haji Mustapha of Sarawak*, Kuala Lumpur : Ampang Press Sdn. Bhd. 1993, h. 118 – 119.

²⁶ MacDonald Papers, Durham University Library, minute by H.E. The Commissioner General, 1949.

